

Resorts World Genting Sambut Tahun Baharu Cina dengan “CNY in the Sky” dan Tarikan Imersif Tertinggi di Malaysia

Genting Highlands, 9 Januari 2026 – Sempena sambutan Tahun Baharu Cina, Resorts World Genting (RWG) mengalu-alukan musim perayaan dengan pelancaran “CNY in the Sky”. Meraikan semangat perpaduan, langkah baharu dan kegembiraan bersama, sambutan Tahun Baharu Cina 2026 menghimpunkan tradisi turun-temurun, penceritaan imersif serta pengalaman perayaan bertaraf tinggi di atas awan.

Teras utama sambutan ini adalah pelancaran filem jenama Tahun Baharu Cina 2026, yang menetapkan suasana perayaan melalui naratif bermusim yang diinspirasi daripada semangat Tahun Baharu Cina. Berteraskan warisan budaya dan momen bermakna, filem ini memperkenalkan pendekatan penceritaan perayaan yang inovatif, dalam masa yang sama kekal setia kepada tradisi dan nilai yang menjadi teras sambutan Tahun Baharu Cina.

Menambah lagi keistimewaan pelancaran ini, Genting SkyWorlds Immersive Studio telah diiktiraf secara rasmi oleh Malaysia Book of Records sebagai pengalaman imersif pada altitud tertinggi di Malaysia. Sebagai tarikan imersif tertinggi di negara ini, studio ini mencerminkan komitmen berterusan resort untuk menyediakan hiburan imersif, naratif kreatif dan pengalaman unik, yang dapat dinikmati oleh pengunjung di puncak tertinggi.

Filem jenama ini turut memperkenalkan Tian Ma sebagai maskot rasmi Tahun Baharu Cina 2026 serta ahli baharu keluarga *Genting’s Highland Heroes* (GHH). Sebagai zodiak Kuda bagi tahun 2026, Tian Ma melambangkan kemajuan, permulaan baharu dan semangat untuk terus melangkah ke hadapan, nilai-nilai yang selari dengan intipati sambutan perayaan ini. Bagi menyemarakkan kemeriahan perayaan di luar skrin, koleksi edisi terhad Tian Ma akan ditawarkan secara eksklusif kepada ahli Genting Rewards melalui penebusan dan pembelian.

“Tahun Baharu Cina adalah masa untuk berkumpul bersama, menilai perjalanan tahun yang lalu, dan menatap masa depan dengan penuh harapan,” kata Spencer Lee, Naib Presiden Eksekutif Jualan, Pemasaran dan Perhubungan Awam di RWG. “Dengan ‘CNY in the Sky’, kami berhasrat untuk meraikan tradisi ini melalui pengalaman yang penuh makna dan memberi kesan mendalam, dan pada masa yang sama mencipta detik perayaan yang mengeratkan keakraban keluarga dan insan tersayang.”

Turut bersama Spencer Lee di platform pelancaran ialah rakan kolaborasi utama di sebalik filem jenama tersebut, termasuk Sandeep Joseph, Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengasas Bersama Ampersand Advisory; Chew Boon Wai, pengarah filem; serta Wesley Tan Seah Ging, Pengarah Urusan Aqina Group of Companies.

Filem ini dibangunkan oleh agensi pemenang anugerah Ampersand Advisory yang diterajui oleh Sandeep Joseph, bersama Janice Kiew, Ketua Perkhidmatan Kreatif, dan Claudia Low, Pengarah Kreatif, dengan kerjasama Chew Boon Wai. Pasukan ini menggabungkan naratif kreatif, keindahan visual dan sentuhan budaya bagi menghasilkan naratif perayaan yang mampu merentasi generasi.

Para pengunjung di majlis pelancaran dijemput untuk mengalami video imersif bertemakan Tahun Baharu Cina di Studio Plaza, yang menampilkan visual menakjubkan, naratif bermusim serta paparan perayaan yang mencerminkan keterujaan dan semangat musim ini dalam suasana altitud tinggi yang imersif. Video ini boleh dinikmati oleh pengunjung taman tema mulai 9 Januari hingga 3 Mac 2026.

Pelancaran ini turut memberikan sesi pratonton eksklusif kepada sorotan kulinari musim perayaan, seterusnya memberi peluang kepada para pengunjung untuk merasai pelbagai juadah perayaan. Sepanjang tempoh Tahun Baharu Cina, pengunjung boleh menantikan jamuan keluarga, acara perayaan, serta pelbagai pengalaman kulinari bermusim yang direka untuk memperkukuh keakraban keluarga dan insan tersayang.

Kemeriahan sambutan Tahun Baharu Cina bermula dengan Jamuan Sau Gong, iaitu jamuan penghargaan untuk rakan korporat dan perusahaan, diikuti dengan Jamuan Hoi Gong, yang melambangkan permulaan yang baik untuk tahun ini apabila para pekerja kembali bertugas. Bagi menambahkan keceriaan perayaan, Genting International Convention Centre (GICC) telah menyediakan pelbagai pakej jamuan, yang ditawarkan dari sekarang sehingga 31 Mac 2026. Pakej ini bermula pada harga RM2,880 bagi setiap meja untuk 10 orang, termasuk lima Bilik Deluxe di First World Hotel, dengan tempahan minimum lima meja diperlukan.

Menambah kemeriahan perayaan, pelbagai promosi Tahun Baharu Cina akan ditawarkan dari 16 Februari hingga 3 Mac 2026. FUUH menjemput keluarga untuk menikmati juadah perayaan istimewa, manakala restoran bufet utama, Coffee Terrace, menjanjikan pengalaman gastronomi meriah dengan pelbagai hidangan bufet Tahun Baharu Cina, sempurna untuk meraikan kebersamaan dan kemakmuran.

Selain juadah perayaan dan makan malam pertemuan keluarga, kemeriahan musim Tahun Baharu Cina bermula dengan acara malam sambutan Tahun Baharu Cina dan diteruskan dengan kalendar penuh hiburan serta aktiviti menarik. Para pengunjung berpeluang menikmati *CNY in the Sky Prosperity Shows*, menyertai peraduan *Auspicious Grab & Win*, serta meneroka bazar meriah di Tokong Gua Chin Swee. Dari perarakan tarian singa dan persembahan kebudayaan sehinggalah ritual tradisional dan pertemuan keluarga, RWG menghidupkan semangat kemakmuran dan kegembiraan untuk dinikmati semua.

RWG Flower Market di SkyAvenue meneruskan keceriaan perayaan dengan Flavours of Genting menyajikan pelbagai juadah Tahun Baharu Cina yang dikurasi, termasuk kuih nanas, kuih durian dan delicasi tradisional lain, bersama manisan serta keperluan bermusim. Terletak dalam suasana Flower Market yang meriah dan mesra pengunjung, lokasi ini menjadi pilihan kegemaran pengunjung untuk meninjau, membeli-belah, dan menikmati kemeriahan musim perayaan.

Suasana perayaan turut diserikan dengan kemunculan pencipta kandungan ternama Hanxiiaoaii (韓曉愛; @hanxiiaoaii di Instagram) dan BapaBros (@bapabros di TikTok), yang berkongsi detik-detik sambutan bersama pengikut mereka, sekali gus memperluaskan kemeriahan perayaan ke luar kawasan resort.

“*CNY in the Sky*” menandakan permulaan sambutan Tahun Baharu Cina peringkat resort di RWG, di mana tradisi budaya, hiburan imersif, sajian perayaan dan aktiviti perayaan yang meriah bergabung untuk mencipta satu pengalaman perayaan yang unggul.

Selain itu, tahun 2026 juga menandakan ulang tahun ke-40 Resorts World Awana, dengan para pengunjung bakal menikmati pelbagai pengalaman istimewa, sambutan perayaan dan tawaran unik sepanjang tahun di seluruh resort.

Untuk maklumat lanjut mengenai acara dan tawaran Resorts World Genting, layari rwgenting.com atau ikuti saluran media sosial rasmi RWG.

– Tamat –

For media enquiries, please contact:

Ms. Michelle Wong

Head – Public Relations & Communication
Social Commerce and Public Communication
Genting Malaysia Berhad
Tel: (603) 6105 9608
Email: michelle.wong@rwgenting.com

Ms Mei Yeap Lee Mui

Assistant Manager
Public Relations & Media
Genting Malaysia Berhad
Tel: (603) 6105 9447
Email: mei.yeap@rwgenting.com

Mengenai Genting Malaysia

Genting Malaysia merupakan salah satu syarikat terkemuka di peringkat global dalam sektor perkhidmatan rekreasi dan hospitaliti. Tersenarai di Bursa Malaysia dengan permodalan pasaran sebanyak kira-kira RM10 bilion, Genting Malaysia memiliki dan mengendalikan rangkaian hartanah resort ikonik, termasuk Resorts World Genting (RWG) di Malaysia, Resorts World New York City, serta Resorts World Catskills dan Resorts World Hudson Valley (kedua-duanya dimiliki sebanyak 49% melalui syarikat bersekutu) di Amerika Syarikat, Resorts World Bimini di Bahamas, Resorts World Birmingham dan lebih 30 kasino di United Kingdom, serta Crockfords Cairo di Mesir. Genting Malaysia turut memiliki dan mengendalikan dua resort tepi laut yang terkemuka di Malaysia, iaitu Resorts World Kijal di Terengganu dan Resorts World Langkawi di Pulau Langkawi.

Terletak pada ketinggian 6,000 kaki dari paras laut, Resorts World Genting (RWG) adalah resort bersepadu utama di Malaysia yang terletak di puncak bukit. Resort ini menyediakan pelbagai kemudahan rekreasi dan

hiburan lengkap, termasuk 10,500 bilik di tujuh hotel eksklusif, permainan kasino, taman tema, tarikan hiburan, kedai makan dan runcit, serta pertunjukan bertaraf antarabangsa dan kemudahan konvensyen perniagaan. Dikelilingi oleh kehijauan semula jadi di kawasan bukit pertengahan, Resorts World Awana melengkapkan pengalaman premium ini dengan landskap semula jadi yang mempesona, padang golf pergunungan, laluan kembara hutan yang mencabar, serta berdekatan dengan pelbagai tarikan utama. Selain itu, Genting Highlands Premium Outlets (usaha sama antara Genting Plantations Berhad dan Simon Property Group) menambah nilai kepada pelbagai tawaran di RWG, sekali gus mengukuhkan kedudukannya sebagai destinasi utama rekreasi dan hiburan di rantau ini. Sebagai tempat kelahiran Kumpulan Genting, RWG akan menganjurkan pelbagai acara dan aktiviti promosi menarik untuk menyambut ulang tahun ke-60 Jubli Intan Kumpulan Genting, menawarkan pengalaman yang tidak dapat dilupakan kepada setiap pengunjung.

Genting Malaysia adalah sebahagian daripada Kumpulan Genting, salah satu syarikat multinasional terkemuka dan terbaik di Asia. Kumpulan Genting dipimpin oleh Tan Sri Lim Kok Thay, seorang usahawan visionari yang telah berjaya menjadikan jenama Resorts World sebagai peneraju utama dalam sektor rekreasi dan hospitaliti di Malaysia, Singapura, Amerika Syarikat, Bahamas, dan United Kingdom. Selain itu, Tan Sri Lim Kok Thay juga mempunyai pelaburan yang signifikan dalam pelbagai sektor global, termasuk ladang minyak sawit, pembangunan hartanah, penjanaan tenaga, minyak dan gas, pelayaran, serta bioteknologi.